

Universiti pertama guna tenaga angin jana elektrik

16 JANUARI 2016



Gambar hiasan

DUNGUN - Universiti Teknologi Mara (UiTM) Terengganu bakal menjadi universiti awam pertama di negara ini yang menggunakan tenaga angin bagi menjana tenaga elektrik untuk kegunaan kampus itu.

Rektornya, Prof Madya Dr Abdol Samad Nawi berkata projek dengan kerjasama tenaga pakar dari agensi swasta itu akan meminimumkan penggunaan serta pembayaran bil tenaga elektrik.

Menurut Abdol Samad, pihaknya menjangkakan penjimatan pembayaran bil tenaga elektrik antara 40 hingga 50 peratus sebulan apabila motor kincir angin siap dibina bagi menghasilkan tenaga elektrik.

"Saya dah buat pengiraan dan sememangnya penggunaan tenaga ini menjimatkan kos perbelanjaan. Contohnya sekarang, sebulan kami bayar RM360,000 kepada Tenaga Nasional Berhad (TNB). Jumlah ini boleh dikurangkan 50 peratus (RM180,000) sekiranya menggunakan tenaga angin.

"Kami harap ia akan jadi projek perintis kepada universiti awam lain terutamanya di Pantai Timur," katanya kepada pemberita, di sini hari ini.

Abdol Samad berkata penggunaan tenaga angin itu bukan sahaja dapat diperbaharui malah menjimatkan sumber tenaga yang ada dalam negara.

"Saya berjumpa Menteri Besar Terengganu Datuk Seri Ahmad Razif Abdul Rahman dan beliau bersetuju dengan cadangan projek itu. Kami merancang melaksanakan projek di bawah model Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI)," katanya.

Beliau berkata pihaknya akan mengatur pertemuan bersama Menteri Pendidikan Tinggi Datuk Seri Idris Jusoh mengenai urusan pelesenan daripada Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) bagi mengeluarkan 1 Megawatt tenaga untuk menjalankan projek itu.

"Untuk mengeluarkan tenaga itu, kami kena dapatkan lesen yang dikeluarkan KeTTHA. Kami cuma mahu 1 Megawatt dan jika KeTTHA luluskan lesen untuk keluaran satu Megawatt, kami boleh laksanakan projek ini," katanya. - Bernama